# SINGKATAN

| BIL | SINGKATAN | NAMA PENUH |
|---|---|---|
| 1. | **DKN/ TDA** | Dekan Fakulti/ Timbalan Dekan Akademik |
| 2. | **PGRH** | Pengarah Pusat Pengajian |
| 3. | **KJ** | Ketua Jabatan |
| 4. | **PYLIF** | Penyelaras Latihan Industri Fakulti |
| 5. | **PYLIJ** | Penyelaras Latihan Industri Jabatan |
| 6. | **PYLA** | Penyelia Akademik |
| 7. | **PP/ PPK/ KPP** | Penolong Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan/ Ketua Penolong Pendaftar |
| 8. | **PYLID** | Penyelia Industri |
| 9. | **PT (P/O)** | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) |
| 10. | **MPLI** | Mesyuarat Pengurusan Latihan Industri |
| 11. | **PNSY** | Pensyarah |
| 12. | **LI** | Latihan Industri |
| 13. | **PLJR/ PLS** | Pegawai Kadet/ PALAPES dan Pelajar Awam |

DOKUMEN TERKAWAL

# TANGGUNGJAWAB DAN ARAHAN

| TANGGUNGJAWAB | ARAHAN | |
|---|---|---|
| | **A) PENEMPATAN LI** | |
| **DKN/ PGRH** | 1. | Lantik PYLIF/ PYLIJ. |
| **PYLIF** | 2.<br><br>3. | Aturkan sesi MPLI.<br><br>Pantau penyelarasan LI peringkat Jabatan. |
| **PYLIJ** | 4.<br><br>5.<br><br>6. | Aturkan sesi taklimat LI kepada PLJR.<br><br>Senaraikan alamat industri untuk penempatan PLJR.<br><br>Memantau penyediaan dokumentasi LI oleh **PT (P/O)**. |
| **PT (P/O)** | 7.<br><br>8.<br><br><br><br><br>9.<br><br>10. | Sediakan dan hantar surat permohonan kepada industri dan terima surat jawapan dari industri berkenaan.<br><br>Sediakan Senarai Pengesahan Industri berdasarkan jawapan yang diterima seperti berikut:<br><br>a) Nama Syarikat<br>b) Bidang Latihan<br><br>Sediakan surat pengesahan penempatan dan dapatkan tandatangan DKN/ TDA.<br><br>Sediakan dokumen kepada PLJR yang mengandungi:<br>a. Surat Pengesahan Penempatan<br>b. Surat Aku Janji dan Indemniti bagi Menjalani Latihan Industri (Lampiran 1)<br>c. Surat Indemniti Daripada UPNM kepada Industri (Lampiran 2)<br>d. Panduan LI dan Buku Log |

DOKUMEN TERKAWAL

| | | |
|---|---|---|
| **DKN/ PGRH** | 11. | Lantik PYLA atas nasihat PYLIJ/KJ. |
| **PYLIJ** | 12. | Maklum senarai alamat industri dan tempoh lawatan kepada PYLA. |
| | **B) PENAMATAN LI** | |
| **PT (P/O)** | 1. | Sediakan Sijil Penghargaan LI yang ditandatangan oleh DKN kepada industri yang terlibat. |
| **PYLA** | 2.<br><br>3.<br><br>4.<br><br>5. | Terima Buku Log dari pelajar.<br><br>Terima penilaian daripada PYLID.<br><br>Sediakan pemarkahan selepas menerima semua laporan yang disediakan oleh pelajar serta PYLID.<br><br>Hantar pemarkahan kepada PYLIJ. |
| **PYLIJ** | 6. | Masukkan markah dalam Sistem Kemasukan Markah. |

DOKUMEN TERKAWAL

## CARTA ALIR




DOKUMEN TERKAWAL




DOKUMEN TERKAWAL

## REKOD KUALITI

| BIL | REKOD | LOKASI | TEMPOH PENYIMPANAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Minit Mesyuarat MPLI | Pejabat Fakulti | 5 Tahun |
| 2 | Buku Log | Penyelia LI | 2 Tahun |
| 3 | Panduan LI | Pejabat Fakulti | 5 Tahun |
| 4 | Nama Syarikat LI | Pejabat Fakulti | 5 Tahun |
| 5 | Senarai Penempatan Pelajar dan PYLA | Pejabat Fakulti | 2 Tahun |

## LAMPIRAN

1. **LAMPIRAN 1** - Surat Aku Janji dan Indemniti bagi Menjalani Latihan Industri
2. **LAMPIRAN 2** - Surat Indemniti Daripada UPNM kepada Industri
3. **LAMPIRAN 3** - Contoh Sijil Penghargaan Universiti kepada Syarikat LI

DOKUMEN TERKAWAL

**SURAT AKU JANJI DAN INDEMNITI UNTUK UPNM DIBERIKAN OLEH PELAJAR**

Tarikh:

[Nama Dekan & Alamat]

Tuan/ Puan,

**AKU JANJI DAN INDEMNITI BAGI MENJALANI LATIHAN INDUSTRI**

1. Saya, ........................................ .. No. Kad Pengenalan: .................... .. No. Matrik: .............. dan mengikuti Kursus Pengajian:…………………………………Tahun .................. Semester ........... (selepas ini dirujuk sebagai "Saya") merujuk kepada surat latihan industri bertarikh ........................ diberikan kepada saya oleh Syarikat/ Organisasi ................................................. .............................. (nyatakan nama Syarikat/ Organisasi dan nombor pendaftaran Syarikat/ Organisasi), yang beralamat di……………………………………………..
……………………………………………(nyatakan alamat Syarikat/ Organisasi) [selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat/ Organisasi"].

2. Saya dengan ini mengaku dan bersetuju untuk mematuhi semua terma Universiti dan syarat-syarat / prosedur / peraturan untuk latihan industri.

3. Saya juga mengaku dan mengesahkan bahawa Universiti tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sebarang musibah atau kemalangan dan / atau kecederaan peribadi sama ada membawa maut atau sebaliknya yang melibatkan saya semasa menjalani latihan industri.

4. Saya akan mengambil tanggungjawab penuh dengan segala akibatnya sekiranya mana-mana orang atau badan lain yang mengalami kemalangan dan / atau kecederaan peribadi dan / atau kerosakan kepada harta benda akibat daripada kecuaian saya semasa menjalani latihan industri.

5. Saya akan melindungi dan terus menanggung rugi Universiti terhadap mana-mana liabiliti, permintaan, kerugian, tuntutan atau prosiding, tindakan undang-undang, tindakan berkenaan dengan kecederaan peribadi termasuk kematian saya, dan / atau kepada sesiapa sahaja dan / atau kerosakan harta benda yang berbangkit daripada atau yang disebabkan oleh kecuaian saya dalam bertindak atau peninggalan *(omission)* atau keseluruhannya disebabkan oleh saya atau sebahagiannya disebabkan oleh saya dalam saya melakukan pekerjaan sepanjang menjalani latihan industri.

6. Saya juga berjanji untuk menjaga maruah dan nama Universiti dan mematuhi Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Universiti, perintah seperti yang ditetapkan dan dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Universiti dari semasa ke semasa, peraturan Syarikat/ Organisasi, peraturan industri ini dan mana-mana kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan pada setiap masa semasa saya menjalani latihan industri.

7. Saya juga bersetuju bahawa Universiti mempunyai hak untuk mengambil tindakan disiplin terhadap saya jika ada aduan yang dibuat oleh Syarikat/ Organisasi mengenai salah laku atau salah laku saya semasa saya menjalani latihan industri.

8. Saya juga berjanji untuk tidak melanggar terma-terma dan syarat-syarat kontrak untuk latihan industri antara saya dan Syarikat/ Organisasi.

Saya sertakan bersama-sama ini salinan surat tawaran menjalani latihan industri daripada Syarikat/ Organisasi.

Yang benar,

.................. ................
*(Tandatangan pelajar)*

Nama Pelajar:

Alamat :

No. Telefon :

Alamat E-mel :

# SURAT INDEMNITI DARIPADA UPNM KEPADA INDUSTRI

Sebagai balasan kepada **......................... (NO. SYARIKAT:.....................)** yang beralamat di ................................................. .(selepas daripada ini disebut sebagai "Organisasi/ Industri") telah memberikan kepada **(NAMA PELAJAR/ NO. KAD PENGENALAN)** (selepas daripada ini disebut sebagai "Pelajar") dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang beralamat di Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur kemudahan untuk menjalani latihan di Organisasi/ Industri ini, maka dengan ini UPNM bersetuju tidak akan menjadikan Organisasi/ Industri bertanggungjawab ke atas apa-apa tanggungan atau tindakan atau tuntutan atau mengambil apa-apa tindakan terhadap Organisasi/ Industri berhubung dengan apa-apa kecederaan ke atas Pelajar atau kerugian atau kerosakan ke atas harta benda Pelajar yang mungkin Pelajar alami ketika menjalani latihan di Organisasi/ Industri yang berpunca daripada kecuaian Pelajar itu sendiri.

Tarikh:……………..

**"KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI"**

**NAMA: NAMA PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK MENANDATANGANI SURAT INDEMNITI BAGI PIHAK UNIVERSITI**
**JAWATAN:**

UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

# SIJIL PENGHARGAAN

## *UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA*

Bahawa sijil ini disampaikan kepada

**< Nama Syarikat >**

Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas
persetujuan menempatkan dan memberi
**Latihan Industri**
mulai ………….. hingga ……………………..
kepada Pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

<Nama Kursus >

Naib Canselor
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

DOKUMEN TERKAWAL